

# Sebahagian besar pelajar UniMAP balik kampus

Oleh [Aizat Sharif](#) - September 13, 2021 @ 2:21pm

[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



ARAU: Sekitar 15 hingga 20 peratus pelajar Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) akan meneruskan sesi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PDPR) apabila semester baharu bermula nanti.

Naib Canselor UniMAP, Prof Ts Dr Zaliman Sauli berkata, setakat ini tiada tarikh khusus permulaan semester baharu bagi UniMAP.

"Pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) akan mengeluarkan pengumuman rasmi berkaitan dengan tarikh kemasukan pelajar ke kampus yang dijangka bermula Oktober depan.

"Dalam pada itu, kita menjangkakan antara 15 hingga 20 peratus sahaja pelajar akan meneruskan pengajian secara PDPR apabila semester baharu bermula nanti," katanya hari ini.

Katanya, dalam masa yang sama juga kemasukan pelajar ke UniMAP akan dibuat secara berfasa dengan mengikut garis panduan yang akan ditentukan oleh KPT.

"Secara umumnya urus tadbir pelajar ke kampus adalah berfokus kepada pelajar yang sudah menerima suntikan vaksin lengkap sebanyak dua dos.

"Bagi yang baru menerima suntikan satu dos, UniMAP juga akan membenarkan mereka pulang ke kampus dengan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan," katanya.

Beliau berkata, berdasarkan data terkini, sejumlah 82.9 peratus pelajar UniMAP sudah menerima suntikan vaksin.

"Bagi pelajar yang masih lagi tidak menerima suntikan vaksin atas faktor tertentu mereka digalakkan untuk meneruskan pembelajaran secara dalam talian.

"Walaupun begitu, bagi yang berada dalam enam kategori yang ditetapkan oleh KPT, mereka dibenarkan pulang ke kampus dengan mematuhi syarat SOP yang ditetapkan seperti perlu ke pusat isolasi terlebih dahulu selama tempoh 14 hari.

"Selain itu, pada masa yang sama UniMAP akan menguruskan agar mereka ini diberikan keutamaan untuk mendapatkan suntikan vaksin," katanya.

Enam kategori pelajar seperti yang diumumkan oleh KPT pada Februari lalu adalah seperti pelajar program pengajian peringkat sijil, diploma, ijazah sarjana muda dan pasca siswazah yang memerlukan praktikal, makmal, klinikal, latihan amal, studio, bengkel dan peralatan khas bagi kategori pertama.

"Kategori kedua pula membabitkan pelajar yang tidak mempunyai akses dan persekitaran tidak kondusif bagi melaksanakan PDPR dalam talian dan ketiga pula adalah pelajar asasi atau setara dan diploma yang sedia ada di kampus boleh meneruskan pembelajaran secara hibrid.

"Bagi kategori keempat pula adalah semua pelajar antarabangsa yang sedia ada dan baru kecuali mereka yang datang dari United Kingdom manakala bagi kategori kelima pula merangkumi pelajar berkeperluan khas (OKU).

"Yang terakhir adalah pelajar yang menduduki peperiksaan Malaysia University English Test (MUET), antarabangsa dan badan profesional," katanya.

Zaliman berkata, secara umumnya UniMAP bersedia untuk menerima pelajar kembali semula ke kampus untuk pembelajaran secara fizikal.

"Kita sudah menyediakan SOP lengkap dalam menyusun atur pelajar di kampus terutamanya dari segi penginapan pelajar dan perkuliahan.

"Malah persiapan UniMAP ini bukanlah suatu yang baru memandangkan pada semester lepas pun sejumlah 3,500 pelajar hadir di kampus walaupun pembelajaran dilakukan secara dalam talian.

"Malah, sebilangan besar mereka telah pun maklum dan memahami akan SOP yang dilaksanakan," katanya.

Sebelum ini, KPT menjangkakan untuk membuka semula institusi pengajian tinggi (IPT) untuk kemasukan pelajar secara fizikal bagi Sesi Akademik 2021/2022 dalam semua fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) bermula bulan hadapan.

Rancangan berkenaan adalah melalui Pelan Pemulihan IPT (PEMULIH IPT) dan selari dengan usaha membolehkan pelajar pulang ke IPT apabila kesemuanya lengkap divaksin seperti yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dalam perutusan khas beliau pada 22 Ogos lalu.